

**PELARASAN TARIF ELEKTRIK DI KULIM HI-TECH PARK, KEDAH  
BAGI TEMPOH 1 JULAI 2017 HINGGA 31 DISEMBER 2017 BAGI PENGGUNA  
KATEGORI INDUSTRI DAN KOMERSIL**

---

1. Pada 21 Jun 2017, Jemaah Menteri telah bersetuju membelanjakan sebanyak RM10.12 juta bagi menghadkan peningkatan kos bahan api penjanaan bekalan elektrik kepada pengguna-pengguna di Kulim Hi-Tech Park (KHTP), Kulim, Kedah, yang dibekalkan oleh NUR Distribution Sdn Bhd.
2. Bekalan elektrik bagi pengguna-pengguna di KHTP dibekalkan melalui loji penjanaan milik NUR Generation Sdn Bhd yang menggunakan gas asli berpaip. Kos gas asli berpaip kepada sektor penjanaan elektrik telah dinaikkan sebanyak RM1.50/MMBtu iaitu daripada RM19.70/MMBtu kepada RM21.20/MMBtu bagi tempoh 1 Januari 2017 hingga 30 Jun 2017 mengikut pelan rasionalisasi subsidi negara bagi memastikan bekalan gas asli sentiasa terjamin.
3. Selaras dengan komitmen Kerajaan supaya sebarang kenaikan tarif di KHTP tidak melebihi paras 5% daripada tarif TNB, semakan semula kadar ICPT bagi pengguna di KHTP telah dilaksanakan. Pengguna yang sepatutnya dikenakan surcaj 1.97 sen/kWj telah dihad pada kadar **0.66 sen/kWj** bagi tempoh mulai 1 Julai 2017 hingga 31 Disember 2017.
4. Peruntukan RM10.12 juta bagi menghadkan surcaj tersebut akan menggunakan Dana Hasil Rundingan Semula Perjanjian Pembelian Tenaga dengan Penjana Kuasa Bebas Generasi Pertama (Dana Penjimatan PPA).

5. Bagaimanapun, semakan semula ICPT tersebut tidak melibatkan pengguna domestik di KHTP.

Suruhanjaya Tenaga

30 Jun 2017